

## **DOCX.MY** **BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Kesihatan, Terkini, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi , Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain


INFO LANJUT



[www.docx.my](http://www.docx.my)



# **Akhirnya Terbongkar Punca Pelajar Ini Dikurung, Ibu Bapa Minta Maaf**



Susulan insiden yang tular, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) tampil memberi penjelasan selepas satu perbincangan diadakan bersama ibu bapa murid berkenaan pada petang Selasa.

Mengesahkan kejadian berlaku sebagaimana yang didakwa, Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah Rembau, Zamani Disimsalam berkata, 'hukuman' pengasingan itu diambil pihak sekolah selepas murid berkenaan

mengulangi kesalahan menganggu rakan-rakannya meskipun sudah diberikan peringatan.

"Kami dapat makluman bahawa murid ini memang nakal. Dia suka melondegkan seluar murid-murid lain. Malah ibu bapanya turut akui anak mereka memang nakal.

"Guru kelas dah banyak kali beri peringatan kepada murid tersebut supaya tidak berbuat demikian.

"Malah, pihak sekolah juga memberi peringatan sewaktu perhimpunan pagi 26 Jun ( Isnin) memaklumkan kepada semua murid mengenai kesalahan itu,"

"Saya difahamkan murid itu diberi peringatan sebanyak dua kali. Dia dimasukkan ke dalam bilik pagar besi selepas kesalahan yang sama berulang kali," ujarnya Zamani.

Mengenai bilik pagar besi tersebut, dia menjelaskan bahawa ia sebenarnya merupakan bilik pameran kempen anti dadah yang juga merupakan simulasi untuk meningkatkan kesedaran murid-murid supaya tidak terjebak dalam kancan najis dadah.

"Murid itu tidak ditinggalkan keseorangan, dan dia hanya berada di dalam bilik tersebut yang bukan dikunci pun,

dan dia hanya berada dalam tu selama 10 minit untuk memberi kesedaran kepadanya.

"Sepanjang dia berada di bilik tersebut, ada guru penolong kanan HEM yang mengawasinya,"

"Mereka tak kisah anak dirotan sebab nakal, tapi pihak sekolah pula tidak boleh sewenang-wenangnya merotan. Jadi, cara lain digunakan untuk memberi kesedaran dan menginsafkan.

"Isu tersebut selesai. Murid itu pun okay dan tetap datang ke sekolah seperti biasa," katanya mengenai perbincangan yang berlangsung selama kira-kira 45 minit itu.

Disebabkan kejadian tersebut, bapa berusia 41 tahun itu memaklumkan anaknya kini mengalami trauma.

"Saya memang tak bersetuju dengan tindakan cikgu tersebut, buat budak-budak macam tu. Saya sebagai bapa sangat kecewa.

"Anak saya tidak mahu hadir ke sekolah sebab trauma... takut akan dimasukkan ke dalam 'penjara' itu lagi,"

"Saya tak nak memanjangkan kes ini kerana memikirkan keadaan anak saya yang masih bersekolah. Anak saya buat masa sekarang tak nak ke sekolah sebab takut nak masuk ke tempat tu.

"Saya berharap kejadian seumpama ini tidak berulang lagi pada masa akan datang. Saya juga minta tempat tersebut (bilik pagar besi) dibuka dan janganjadikan sebagai tempat kurung budak-budak kat dalam tu," jelasnya.

Sehubungan itu, Azrul berkata, dia memohon maaf dan menyesali di atas kejadian yang berlaku.

"Saya sekeluarga memohon maaf kepada pihak yang terlibat. Kami menyesali atas perbuatan anak kami.

"Saya akan menasihati anak saya agar tidak mengulangi perbuatan tersebut pada masa akan datang," katanya lagi.